



## HEBAHAN JAWATAN KOSONG

Kami ingin mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan secara kontrak sebagaimana yang berikut:

### MAKLUMAT JAWATAN

Nama Perjawatan : **KETUA SEKSYEN SYARIAH**  
Status Tawaran : Kontrak (2 tahun)

### DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab untuk membuat perancangan, pelaksanaan serta pemantauan program/aktiviti/ produk YAPEIM dan Kumpulan, bagi memenuhi keperluan Syariah berpandukan nasihat Jawatankuasa Syariah.
2. Menjalankan tugas-tugas berkaitan selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Syariah.
3. Menjalankan kajian ke atas isu-isu dan perkembangan semasa berkaitan Syariah untuk dilaksanakan di YAPEIM dan Kumpulan.
4. Bertanggungjawab untuk mengenalpasti program penarafan serta menyediakan kaedah pemantauan terhadap pematuhan Syariah dalam pelaksanaan program/aktiviti/produk YAPEIM dan Kumpulan.
5. Mengenalpasti, membangunkan dan menyampaikan (deliver) modul latihan berkaitan pematuhan Syariah secara korelasi dengan pelbagai bidang yang relevan dengan kerjasama Seksyen-Seksyen/IMP/IBK yang berkaitan.
6. Mengenalpasti dan mengawal isu-isu kritikal berkaitan pematuhan Syariah.
7. Mengumpulkan maklumat dan cadangan berkaitan untuk mendapatkan nasihat dan keputusan daripada Jawatankuasa Syariah.
8. Menyediakan panduan, maklumat atau SOP yang berkaitan untuk dijadikan rujukan dalaman YAPEIM dan Kumpulan.
9. Hubungkait dalam organisasi termasuk penyelarasan tugas dengan fungsi pemantauan dan pematuhan dengan kerjasama Seksyen Audit Dalam.
10. Menyelaraskan program dan aktiviti kerohanian/ keagamaan untuk warga YAPEIM dan Kumpulan dengan kerjasama Seksyen Sumber Daya Insani dan Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi.
11. Membangunkan petunjuk-petunjuk prestasi utama (key performance indicators) dengan Seksyen Perancangan dan Penyelaras dan menyediakan strategi pelaksanaan untuk mencapai KPI.
12. Menyediakan pelaporan berkala untuk pihak pengurusan, Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pemegang Amanah.

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Lulus Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang pengajian Islam/Syariah/ Muamalat/ Kewangan dan Perbankan Islam atau kelayakan yang setaraf dengannya.
2. Berpengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun dalam pelaksanaan Muamalat Syariah, semakan audit pematuhan Syariah, pembangunan dokumentasi dan proses kerja berkaitan pematuhan Syariah.
3. Pengalaman minima 3 tahun yang terakhir dalam tahap Pengurusan dalam bidang yang sama.
4. Kemahiran dalam bidang Fiqh Muamalat.
5. Pengetahuan asas dalam hubungkait pelaksanaan perundungan dan Syariah .
6. Pengetahuan dalam pembangunan dokumentasi dan rujukan kepada sumber Syariah.
7. Pengetahuan dalam pembangunan parameter atau modul latihan berkaitan pematuhan Syariah serta pengedaliannya.
8. Kemahiran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan asas Bahasa Arab.
9. Keperibadian dan perwatakan yang sesuai dengan tugas pengawasan Syariah Warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

## **CARA PERMOHONAN**

1. Sila kemukakan salinan resume, kad pengenalan, sijil akademik dan transkrip serta sijil-sijil lain yang berkaitan melalui e-mel ke [psy@yapeim.my](mailto:psy@yapeim.my).
2. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.
3. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga.
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan dibuat, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Tarikh tutup permohonan ialah pada 31 Disember 2024.